

Tambang Penerbangan Perlu Munasabah

Kementerian Pengangkutan meminta semua syarikat penerbangan menurunkan harga tambang sejajar dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) penjarakkan sosial terhadap penumpang dalam pesawat dan pengunjung terminal lapangan terbang.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, menerusi kelonggaran SOP berkenaan, penetapan kadar tambang penerbangan perlulah munasabah serta tidak membebankan rakyat terutama semasa tempoh pemulihan akibat koronavirus (Covid-19).

Beliau berkata, langkah itu perlu diambil memandangkan permintaan bagi perjalanan udara semakin meningkat.

"Pada 11 Jun lalu, pihak kementerian telah membincangkan mengenai pemulihan semula sektor penerbangan dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia Berhad dan Malindo Air.

"Mereka memaklumkan bahawa harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan yang didorong oleh pasaran.

"Mereka akan menetapkan kadar tambang penerbangan dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ka Siong berkata, syarikat penerbangan juga memaklumkan bahawa mereka perlu memastikan terdapat permintaan yang berterusan dan stabil sebelum harga tambang dapat kembali normal seperti sebelum wabak Covid-19.

"Orang ramai juga disaran membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian saat akhir.

Kementerian Pengangkutan sebelum ini digesa menyemak kembali senarai tambang tiket penerbangan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

Pemulihan (PKPP) yang dikatakan tidak masuk akal dan memberi beban terutama kepada rakyat Sabah dan Sarawak.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 2 | 23 JUN 2020